

ICEPS 2008 dekatkan generasi muda dengan usahawan

SEREMBAN – Generasi muda jangan melepaskan peluang untuk mendekati golongan usahawan dengan menyertai Konvensyen Keusahawanan Islam 2008 (ICEPS) yang akan berlangsung hari ini hingga 17 Februari ini di Stadium Tertutup Nilai.

Pengarah ICEPS, Mohd. Nur Aqmal Mohd. Fairi berkata, konvensyen itu bermatlamatkan dapat me-

narik lebih ramai generasi muda untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

Generasi muda juga berpeluang menimba pengalaman dengan mendekati golongan usahawan dalam konvensyen ini untuk menimba ilmu dan tunjuk ajar daripada mereka.

“Program anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu akan

berlangsung di stadium sementara seminar keusahawanan akan berlangsung di kampus induk universiti berkenaan,” katanya di sini semalam.

Mohd. Nur Aqmal menambah, tempat untuk peserta adalah terhad dan yuran yang dikenakan adalah RM300 setiap seorang.

“Selain seminar, gerai pameran yang menampilkan kejayaan usa-

hawan muda di tapak ekspo dan dalam stadium tersebut turut akan diadakan untuk orang ramai.

“Antara aktiviti menarik lain termasuk pertandingan tilawah al-Quran, nasyid, mewarna, fesyen busana Islam, pertandingan memasak dan masuk adalah percuma, kecuali konsert Gema Alam 2008 yang akan dikenakan bayaran,” katanya.

Ujarnya, artis dari kumpulan

Nowseeheart, Hafiz Hamidun, Instinct, Interaksi turut dijemput untuk menghiburkan orang ramai. Selain itu, persembahan kebudayaan seperti ghazal, tarian dan dikir barat tidak dilupakan.

Katanya, orang ramai yang ingin mengambil bahagian serta mengetahui lebih lanjut mengenai program ICEPS boleh menghubungi Mohd. Nur Aqmal di talian 017-2297374.